

Bil. S 31

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2015

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari S 17/2013.
 3. Pindaan bab 9.
 4. Pindaan bab 13.
 5. Pindaan bab 14.
 6. Pemasukan bab 43A baru.
 7. Pemasukan bab-bab 75A dan 75B baru.
 8. Pindaan bab 77.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (Pindaan), 2015 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Pindaan bab 2 dari S 17/2013.

2. Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan mengikut susunan abjad yang berkenaan takrifan-takrifan baru yang berikut —

“perbadanan” mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 2(1) dari Akta Syarikat (Penggalt 39);

“timbangan pengarah urusan” bermakna mana-mana timbalan pengarah urusan yang dilantik di bawah bab 14(1);

“pegawai”, berhubung dengan Autoriti, termasuk mana-mana orang yang diambil bekerja oleh Autoriti atas sifat eksekutif;”;

(b) dalam takrifan “pengarah urusan”, dengan memasukkan “dan termasuk mana-mana pemangku pengarah urusan yang dilantik sedemikian di bawah bab 13(8)” sejurus sebelum koma bernoktah.

Pindaan bab 9.

3. Bab 9 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraihan (1)(a), dengan memotong “10 peratus” dari baris kedua dan ketiga dan menggantikannya dengan “100 peratus”.

Pindaan bab 13.

4. Bab 13 dari Perintah utama adalah dipinda dengan menambah cerai baru yang berikut —

“(8) Sekiranya pengarah urusan tiada atau tidak berupaya, Autoriti boleh melantik —

(a) seorang pengarah; atau

(b) seorang timbalan pengarah urusan,

untuk menunaikan kewajipan-kewajipan pengarah urusan sepanjang tempoh ketiadaan atau ketidakupayaannya itu.”.

Pindaan bab 14.

5. Bab 14 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong cerai (1) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, atas sokongan lembaga, melantik timbalan-timbalan pengarah urusan Autoriti bagi tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam suratcara lantikan.”;

(b) dengan memotong cerai (4).

Pemasukan bab 43A baru.

6. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 43 bab baru yang berikut —

“Sistem penyelesaian kasar masa nyata.

43A. (1) Autoriti boleh mengadakan dan mengendalikan satu atau lebih sistem penyelesaian kasar masa nyata bagi pemindahan dana, penyelesaian obligasi pembayaran dan pemindahan dan penyelesaian sekuriti dan instrumen catatan buku antara dan dalam kalangan peserta.

(2) Suatu sistem penyelesaian boleh dihubungkan dengan sistem yang lain di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain bagi penjelasan atau penyelesaian obligasi pembayaran, sekuriti atau instrumen dan sama ada atau tidak sistem itu dikendalikan secara penyelesaian kasar masa nyata.

(3) Autoriti boleh membuat perjanjian dengan peserta-peserta bagi suatu sistem penyelesaian dan mengeluarkan secara bertulis kepada peserta-peserta itu aturan-aturan bagi pengendalian sistem penyelesaian itu dan aturan-aturan tersebut tidak boleh dianggap sebagai undang-undang tambahan.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraian (3), aturan-aturan tersebut boleh mengadakan peruntukan bagi semua atau mana-mana yang berikut —

(a) lantikan Autoriti sebagai pihak berkuasa pensijilan bagi tujuan mengeluarkan sijil kepada peserta-peserta;

(b) kelakuan peserta-peserta;

(c) pengesahan transaksi yang dilakukan secara elektronik;

(d) jika Autoriti menganggap perlu untuk kepentingan sistem itu, bagi Autoriti menghentikan atau menggantung pengendalian sistem penyelesaian itu atau menghentikan atau menggantung keistimewaan atau hak mana-mana peserta atau golongan peserta;

(e) lantikan juruaudit atau pemeriksa bagi pengauditan atau pemeriksaan sistem pengendalian peserta-peserta berkenaan dengan sistem penyelesaian itu; dan

(f) pembayaran bayaran kepada Autoriti.

(5) Autoriti, mana-mana pegawai atau pekerja Autoriti, atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Autoriti, tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh mana-mana orang atau peserta yang timbul daripada, secara langsung atau tidak langsung, penggunaan suatu sistem penyelesaian oleh mana-mana peserta melainkan jika kerugian atau kerosakan itu berpunca dari perbuatan cuai atau peninggalan atau apa-apa salah laku yang disengajakan mana-mana pegawai atau pekerja Autoriti atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Autoriti.

(6) Dalam bab ini —

“sekuriti dan instrumen catatan buku” bermakna apa-apa sekuriti dan instrumen yang boleh dipindah milik dengan catatan buku dalam suatu daftar atau pun selainnya, dan —

(a) dikeluarkan oleh Kerajaan atau Autoriti di bawah sebarang undang-undang bertulis; atau

(b) diluluskan oleh Autoriti bagi penjelasan, penyelesaian atau pemindahan melalui atau di bawah suatu sistem penyelesaian;

“sijil” bermakna suatu sijil yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pensijilan dan yang telah diterima oleh subjek yang dinamakan atau dikenal pasti dalam sijil itu, yang memegang kunci yang mewujudkan suatu tandatangan digital yang bersamaan dengan kunci yang mengesahkan tandatangan digital itu;

“pihak berkuasa pensijilan” bermakna seseorang yang, atau sesebuah organisasi yang, mengeluarkan sesuatu sijil;

“peserta” bermakna seseorang yang diluluskan oleh Autoriti sebagai peserta suatu sistem penyelesaian dan termasuk Autoriti jika ia menyertai sistem penyelesaian itu;

“sistem penyelesaian kasar masa nyata” bermakna suatu sistem yang boleh membuat penyelesaian akhir dana, obligasi pembayaran dan sekuriti dan instrumen catatan buku secara berterusan dalam waktu pengendalian hari pemprosesan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti dan secara satu transaksi demi satu transaksi;

“sistem penyelesaian” bermakna mana-mana sistem penyelesaian kasar masa nyata yang diadakan di bawah ceraian (1);”.

Pemasukan bab-bab 75A dan 75B baru.

7. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 75 dua bab baru yang berikut —

“Mendapatkan balik bayaran.

75A. Apa-apa bayaran yang kena dibayar oleh mana-mana orang kepada Autoriti di bawah Perintah ini boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Autoriti.

Pengecualian.

75B. (1) Menteri atas budi bicaranya boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada semua atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah bab 33 atau 34 tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

{2} Autoriti boleh, atas permohonan mana-mana orang, dengan notis secara bertulis mengecualikan orang itu daripada —

(a) semua atau mana-mana kehendak yang dibuat di bawah bab 33 atau 34; dan

(b) semua atau mana-mana kehendak yang dinyatakan dalam apa-apa arahan yang dibuat oleh Autoriti di bawah Perintah ini,

tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dengan notis secara bertulis.

{3} Autoriti boleh pada bila-bila masa, dengan notis secara bertulis kepada seseorang, meminda mana-mana syarat yang dikenakan kepada orang itu di bawah ceraiian {2}.

{4} Tidaklah perlu untuk menyiarkan apa-apa pengecualian yang diberikan di bawah ceraiian {2} dalam *Warta Kerajaan*.”

Pindaan bab 77.

8. Bab 77 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraiian {1}, dengan memotong “Autoriti” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Menteri”.

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 9 haribulan Februari, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM